

UCAPAN YAB DATIN SERI
DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI
DI MAJLIS PERASMIAN HARI WANITA UMNO SELANGOR
DI RUMAH KERAJAAN NEGERI SELANGOR
JALAN RAJA MUDA, KUALA LUMPUR
PADA HARI SABTU, 25HB. DISEMBER, 1982
JAM 9.00 PAGI

ASSALAMU 'ALAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH.

Saya bersyukur ke hadrat Allah subhanahu wata'ala, kerana dengan limpah taufik dan hidayahNya, dapat saya hadir bersama-sama tuan-tuan dan puan-puan sekalian di majlis Perayaan Hari Wanita UMNO Selangor yang berlangsung di rumah Negeri Selangor pagi ini.

2. Saya juga ingin mengambil peluang ini untuk menyampaikan ucapan terima kasih serta setinggi-tinggi penghargaan kepada Pergerakan Wanita UMNO Negeri Selangor yang telah sudi mengundang saya bagi merasmikan perayaan yang 'sentimental¹ ini. Sebagai seorang wanita, perayaan ini, sangatlah besar ertinya kepada diri saya sendiri kerana Hari Wanita telah kita rayakan sejak beberapa tahun yang lalu.

3. Seperti yang kita semua sedia maklum, Perayaan Hari Wanita ini diadakan pada tanggal 25hb. Ogos setiap tahun sebagai suatu hari yang istimewa dan mempunyai erti yang tersendiri dalam sejarah kemerdekaan negara kita ini. Walau bagaimanapun, tidaklah pula bererti kita, para wanita sekalian, tidak boleh merayakan perayaan ini selepas tarikh tersebut.

4. Dalam hubungan ini sukalah saya mengambil kesempatan ini mengucapkan tahniah dan syabas kepada Pergerakan Wanita UMNO Negeri Selangor yang dapat menganjurkan perayaan ini bagi peringkat Negeri pada hari ini.

5. Saya difahamkan perayaan Hari Wanita UMNO Selangor dilaksanakan di dua peringkat. Peringkat pertama diadakan di tiap-tiap bahagian, di mana 11 bahagian Pergerakan Wanita UMNO Selangor menganjurkannya. Peringkat kedua pula ialah peringkat Negeri yang berlangsung hari ini. Kedua-dua peringkat ini tentulah mempunyai keistimewaan yang tersendiri di mana johan-johan peringkat Bahagian bertanding pula di peringkat Negeri untuk mendapatkan kemenangan yang lebih hakiki.

6. Dalam hubungan ini kemenangan bukanlah menjadi matlamat setiap penyertaan. Yang lebih penting lagi ialah penyertaan itu sendiri di mana kita telah mengambil dayausaha bagi menjayakan sesuatu majlis yang sama-sama kita adakan.

7. Saya berpendapat, Perayaan Hari Wanita hari ini bukanlah satu perayaan kosong yang tidak memberi apa-apa erti; di sebaliknya perayaan yang dianjurkan ini mengandungi unsur-unsur agama dan ekonomi di mana kedua-dua unsur tersebut mempunyai pengertian yang sangat penting dan memerlukan penyertaan yang lebih menyeluruh.

8. Aktiviti-aktiviti kebudayaan berunsur agama seperti Berzanji dan Marhaban bukanlah suatu yang baru dalam kehidupan kita sebagai suatu bangsa yang bertamadun. Aktiviti-aktiviti ini sentiasa kita praktikkan apabila kita mengadakan satu-satu majlis Maulud Nabi misalnya. Tetapi, kita jangan lupa bahawa sesuatu yang kita warisi sejak nenek moyang kita dulupun akan lesap dari kehidupan kita sekiranya jenerasi muda sekarang tidak dididik dan diasuh mempelajarinya seperti orang-orang terdahulu mempelajarinya. Kita harus melengkapkan diri kita dengan ajaran-ajaran agama

yang betul supaya tidak mudah dipengaruhi oleh ajaran agama yang sesat dan terkeluar daripada landasan agama Islam yang kita semua anuti. Ciri-ciri agama yang ada pada kita akan menguatkan keimanan kita dalam menghadapi dugaan dan cabaran hidup di dunia ini yang penuh pancaroba.

9. Dalam hubungan ini, usaha Pergerakan Wanita UMNO Negeri Selangor menganjurkan pertandingan Berzanji dan Marhaban hendaklah dipandang dari sudut yang sangat penting dan seharusnya mendapat sambutan yang tinggi di kalangan ahli-ahlinya.

10. Saya rasa adalah perlu unsur-unsur ugama ditingkatkan lagi di kalangan wanita memandangkan banyak gejala yang kurang sihat di sekeliling kita.

11. Demikian pula halnya dengan pertandingan yang berunsur ekonomi seperti pertandingan-pertandingan mencipta resepi makanan ringan yang turut dipertandingkan hari ini seharusnya diteruskan dari masa kesemasa supaya ianya benar-benar mendatangkan faedah dan boleh menambahkan pendapatan sampingan. Di dalam agama kita sendiri ada menyebut bahav/a sembilan dari sepuluh rezeki di dunia ini adalah dalam perniagaan. Sebagai contoh Nabi besar kita (s.a.w) sendiri memasuki bidang perniagaan dalam usianya yang muda. Oleh yang demikian janganlah kita diselimuti perasaan ragu-ragu atau waswas untuk mencebur diri di bidang perniagaan. Namun demikian, kita harus juga berhati-hati supaya tidak terpedaya dengan peluang perniagaan yang tidak memberi manfaat dan menguntungkan kita.

12. Dasar Pandang ke Timur yang diumumkan oleh Kerajaan merupakan suatu dasar yang bukan saja untuk mengubah corak pemikiran rakyat yang selama ini semata-mata berpandangan ke barat, tetapi juga untuk mencontohi dua negara timur yang begitu pesat pertumbuhan ekonominya, iaitu Jepun dan Korea Selatan. Sikap atau pegangan bahawa semua dari barat itu

patut dijadikan cermin perbandingan dan jadi ikutan hendaklah dihapuskan dari kamus hidup kita sekarang.

13. Dasar Pandang ke Timur ini juga hendaklah diertikan sebagai suatu dasar memandangi diri sendiri kerana kita ini adalah orang-orang timur yang terkenal dengan budi bahasa dan sopan santun yang tinggi sejak dari dulu lagi. Gadis-gadis timur terkenal dengan kelembutannya yang melambangkan kewanitaannya seseorang wanita itu. Tapi terdapat segolongan gadis-gadis kita sekarang yang terikut-ikut dan terbawa-bawa dengan perwatakan 'keras' dan 'kasar' yang terdapat di kalangan setengah-setengah gadis di barat yang tidak mementingkan kesopanan dan kesusilaan. Dengan lain perkataan, dasar pandang ke timur ini bolehlah diibaratkan suatu perjalanan yang telah jauh dan baru kita sedar bahawa kita patut berpatah balik ke belakang dan mengutip mutiara-mutiara yang terdicir di belakang sewaktu kita berjalan jauh tadi.

14. Dan mutiara-mutiara ini hendaklah kita rangkaikan semula dan dijadikan rantai dan loket untuk dipakai. Pada hakikatnya dasar ini bertujuan mengukuhkan disiplin diri kita sendiri untuk maju ke hadapan. Dalam hubungan ini saya inginlah menyeru agar Pergerakan Wanita UMNO Negeri Selangor bergerak cergas untuk menanamkan semangat disiplin dan tekun bekerja di kalangan Wanita Melayu supaya tidak menjadi lemah dan tidak terlalu bergantung kepada nasib sahaja. Mereka haruslah berusaha kuat seperti wanita asing dalam memajukan keluarga mereka. Dalam pada itu, mereka hendaklah tidak mencuaikan tugas dan tanggungjawab kepada keluarga mereka. Yang penting adalah disiplin dan semangat serta sikap hendak maju dan berjaya berlandaskan ajaran-ajaran agama Islam.

15. Akhirnya, sekali lagi saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Pergerakan Wanita UMNO Selangor yang dapat menganjurkan Perayaan Hari Wanita ini. Kepada semua peserta yang mengambil bahagian saya ucapkan selamat maju

jaya. Kepada yang menang, terlebih dulu saya ucapkan tahniah.

16. Dengan lafaz Bismillahir Rahmannir Rahim, saya dengan sukacitanya merasmikan perayaan Hari Wanita UMNO Selangor Tahun 1982 ini.

WASSALAMU 'ALAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH.
